


LIVEWORKSHEETS

| Aras kesukaran dan pisbah | Rendah (R) 5 | Sederhana (S) 3 | Tinggi (T) 2 |
|---|---|---|---|
| Jumlah markah Bahagian A, B, C dan D | 50 | | |

# Kertas Model UASA 2

/50

1 jam 15 minit

## Bahagian A

[10 *markah*]

**Soalan 1 dan 2**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang* **paling sesuai**.

1 Cikgu Lina memberikan (给) tugasan (功课) Matematik ______________ meminta murid-murid menyiapkannya di rumah.

A dan

B lalu

C sambil

D manakala Ali makan manakala adik tidur.

Kata Tugas | R

2 Encik Rafi ______________ peralatan yang telah rosak lalu meletakkannya di hadapan pintu stor.

A diangkat 被打起

B berangkat 出发(土上)

C mengangkat

D pengangkatan

Kata Berimbuhan | R

**Soalan 3**

*Pilih ayat yang* **betul**.

3 A Mereka bermain bola sepak di padang sambil ketawa (笑) sedih (伤心).

B Ali pergi ke pasar untuk membeli sayur-sayuran yang suram. 无精打采/阴暗

C Kakak menjahit kebaya yang cantik itu dengan benang berwarna merah.

D Puan Hani menyusun (排) gelas-gelas (杯子) itu di dalam dulang berbentuk subur lalu menuang (倒) jus oren.

Ayat Majmuk | S



© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS CamScanner

**Soalan 4 hingga 6**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Pada pagi Sabtu yang lalu, Mei Fong dan keluarganya pergi ke pasar tani yang berhampiran dengan rumah mereka. Pasar tani itu dipenuhi dengan gerai yang menjual sayur-sayuran segar, buah-buahan tempatan dan kuih-muih tradisional.

Mei Fong membantu ibunya memilih sayur sambil mendengar penjual di gerai sebelah menerangkan tentang cara-cara memilih bahan masakan yang berkualiti. Suasana pasar tani yang meriah membuatkan Mei Fong berasa seronok.

Selepas selesai membeli-belah, Mei Fong sekeluarga singgah di sebuah gerai minuman untuk menghilangkan dahaga. Mereka menikmati air kelapa segar sambil berbual tentang menu makan tengah hari. Kemudian, Mei Fong membantu ayahnya membawa barang ke kereta. Dia berasa gembira kerana dapat memahami kepentingan nilai bekerjasama dalam keluarga.

4 Apakah yang dilakukan oleh Mei Fong di pasar tani?

- A Membeli pakaian baharu
- B Bermain dengan rakan-rakan
- C Menjual kuih-muih tradisional
- D Membantu ibunya memilih sayur

Pemahaman – Petikan | R

5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

- A Mei Fong berasa gembira kerana dapat minum air kelapa.
- B Suasana pasar tani yang meriah membuatkan ibu berasa seronok.
- C Ayah menerangkan tentang cara-cara memilih bahan masakan yang berkualiti.
- D Mei Fong berasa gembira kerana dapat memahami kepentingan nilai bekerjasama dalam keluarga.

Pemahaman – Petikan | S

6 Yang berikut ialah perkara yang dilakukan oleh Mei Fong di pasar tani berdasarkan petikan **kecuali**

- A memilih sayur.
- B membawa barang.
- C membantu penjual.
- D menikmati air kelapa.

Pemahaman – Petikan | T

© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.



LIVEWORKSHEETS

Soalan 7 hingga 10

*Baca maklumat dalam* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Bahan 1

Pada setiap hujung minggu, Jia Wen menyertai kelas melukis di pusat komuniti. Di sana, dia belajar tentang cara-cara menghasilkan pelbagai corak dan padanan warna pada kertas lukisan menggunakan teknik yang betul.

Guru Pendidikan Seni Visual, Cikgu Wong sentiasa memberikan *sokongan* kepada murid-murid supaya mereka berani mencuba idea baharu. Beliau menggalakkan Jia Wen dan rakan-rakannya berkreativiti. Beliau juga berpesan kepada mereka supaya tidak takut melakukan kesilapan ketika berkarya.

Bahan 2






© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

CamScanner

7 Apakah aktiviti yang disertai oleh Jia Wen pada setiap hujung minggu?

A Kelas menari

B Kelas melukis

C Kelas komputer

D Kelas memasak

Pemahaman – Pelbagai Bahan | R

8

> Di sana, dia belajar tentang cara-cara menghasilkan pelbagai corak dan padanan warna pada kertas lukisan menggunakan teknik yang betul.

**Penjodoh bilangan** yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

A ketul.

B helai.

C buah.

D batang.

Penjodoh Bilangan | R

9 Perkataan *sokongan* dalam **Bahan 1** boleh digantikan dengan perkataan

A cabaran.

B halangan.

C dorongan.

D tentangan.

Pemahaman – Pelbagai Bahan | S

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.

A Jia Wen belajar menggunakan teknik melukis yang betul.

B Jia Wen tidak berminat untuk belajar melukis dengan Cikgu Wong.

C Cikgu Wong tidak menggalakkan murid-murid mencuba idea baharu.

D Kedua-dua bahan menerangkan tentang cara-cara membuat makanan.

Pemahaman – Pelbagai Bahan | T



LIVEWORKSHEETS

## Bahagian B

[10 *markah*]

### Soalan 1

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Hari ini diadakan latihan bola jaring di padang sekolah. Yee Ling dan rakan-rakannya berlatih dengan bersungguh-sungguh kerana pertandingan akan diadakan tidak lama lagi.

Setelah tamat latihan bola jaring, Yee Ling mengelap peluh lalu menyimpan bola di dalam stor sukan. Walaupun penat, dia tetap memastikan semua peralatan diletakkan semula di tempat yang betul sebelum meninggalkan gelanggang.

Jurulatih memuji Yee Ling kerana bertanggungjawab menjaga peralatan dengan baik. Rakan-rakan Yee Ling juga turut mencontohi sikapnya yang baik itu.

(a) Yee Ling menyimpan bola jaring di ________________________________.

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera | R | [1 *markah*]

(b) Apakah yang dilakukan oleh rakan-rakan Yee Ling selepas jurulatih memujinya?

________________________________________________________________

________________________________________________________________

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera | R | [2 *markah*]

(c) *Gariskan* **satu kata adjektif** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Walaupun penat, dia tetap memastikan semua peralatan diletakkan semula di tempat yang betul sebelum meninggalkan gelanggang.

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera | S | [1 *markah*]

(d) *Pilih dan tulis* (**BETUL**) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Jurulatih memuji Yee Ling kerana bertanggungjawab menjaga peralatan dengan baik.

| | |
|---|---|
| Yee Ling dipuji oleh jurulatih kerana bertanggungjawab menjaga peralatan dengan baik. | |
| Yee Ling memuji jurulatih kerana bertanggungjawab menjaga peralatan dengan baik. | |

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera | T | [1 *markah*]



© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

CS CamScanner

LIVEWORKSHEETS

Soalan 2

*Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

> Sebuah pasar raya menetapkan peraturan keselamatan seperti memakai pelitup muka sekiranya batuk atau bersin. Tan Beng mematuhi peraturan itu demi keselamatannya. Semasa di pasar raya itu, dia melihat seorang wanita yang mengalami selesema tidak memakai pelitup muka.

Berdasarkan situasi di atas, apakah yang boleh dilakukan oleh Tan Beng?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

Penyelesaian Masalah – Rumusan / Ramalan | R / S / T | [5 *markah*]

## Bahagian C
[10 *markah*]

*Grafik di bawah menunjukkan tentang penjimatan air di rumah. Tulis pendapat kamu tentang* **langkah-langkah menjimatkan penggunaan air di rumah**. *Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam* **satu perenggan**. *Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

| Langkah-langkah Menjimatkan Penggunaan Air di Rumah | | |
|---|---|---|
| | Gunakan air secara berhemah | Tutup paip jika tidak digunakan |
| | Periksa dan baiki kebocoran | Periksa paip atau pili |
| | Menggunakan air hujan | Menyiram pokok dan membasuh kereta |

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

Penulisan Perenggan – Pendapat / Cadangan | R / S / T | [10 *markah*]

© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.



LIVEWORKSHEETS

## Bahagian D

[20 *markah*]

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk* **karangan berformat atau karangan tidak berformat**. *Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

Aktiviti Kokurikulum di Sekolah




1 Tulis sebuah karangan keperihalan berdasarkan bahan grafik.

ATAU

2 Tulis sebuah syarahan berdasarkan bahan grafik.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________



© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS CamScanner